

Headline **Bahasa melayu, Inggeris sama penting**
Date **29. Apr 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **10**
Section **Nasional** Article Size **233** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Bahasa Melayu, Inggeris sama penting

TULISAN Dr Sarjit S Gill daripada Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia pada ruangan ini Jumaat lalu membuat saya terpanggil untuk melahirkan kerisauan sama mengenai kedudukan bahasa Melayu. Malah, atas isu sama sebelumnya, kupasan Prof Dr Teo Kok Seong dan Dr Sharifudin Lubis memang memerlukan perhatian umum.

Saya bersetuju dengan Dr Sarjit mengenai 'barangkali orang Melayu berminat menjadi orang putih dan tanpa mereka sedari meminggirkan bahasa sendiri sebagai bahasa kebangsaan negara.'

Ego segelintir orang Melayu yang berasakan bahasa Inggeris lebih canggih untuk digunakan dalam kehidupan moden kini memang boleh dipertikai. Tetapi pada masa sama, alasan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa juga boleh diterima.

Saya lebih berminat kepada isu yang lebih mendasar. Apa yang berlaku sekarang adalah krisis keyakinan terhadap bahasa Melayu.

Sebelum berlakunya pindah-randah kosa kata bahasa dari bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris atas nama prestij pada era komputer ini, sebenarnya identiti bahasa Melayu itu sendiri sedikit demi sedikit terhakis.

Isu 'bahasa Melayu' atau 'bahasa Malaysia' yang acap kali bertukar ganti juga mengelirukan dan ia adalah asas kepada segala-galanya.

Apa meragukan saya, kenapa kita tidak boleh setia dengan kosa kata dalam Perkara 152 yang mengatakan bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan Malaysia. Jadi ia adalah bahasa Melayu.

Satu lagi perkara asas berlaku sebelum memberi impak kepada krisis kepercayaan adalah krisis tanggungjawab.

Saya berterima kasih kepada Ketua Sayap Putera MIC yang pada hari penamaan calon pilihan raya umum baru-baru ini yang menekankan, satu kriteria untuk menjadi wakil rakyat atau ahli politik yang baik adalah

berkebolehan bertutur bahasa Melayu dengan fasih. Saya bersetuju dengannya.

Cuma, kadangkala yang terjadi bukan pemimpin tidak boleh bertutur bahasa Melayu dengan baik, tetapi menjawab soalan wartawan yang bertanya dalam bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris.

Saya maklum memang ada masanya, sidang media dibuat dalam bahasa Inggeris, tetapi jika ia dalam bahasa Malaysia secara rasmi, bersalah harapan saya untuk melihat barisan pemimpin negara dan ahli korporat bertutur dan menjawab soalan wartawan dengan bahasa Melayu yang baik dan teratur.

Saya tidak pernah menjadi individu yang antibahasa Inggeris. Kerana itu, sesiapa pun menggunakan bahasa Inggeris sebagai metodologi komersial memang tidak salah, termasuk Bank Pertanian.

Kerana itu, dengan menolak isu bangsa dan tanggungjawab warga negara, AgroBank perlu dilihat sebagai satu entiti perniagaan.

Apa yang berlaku sekarang adalah ketidakpercayaan umum kepada bahasa Melayu itu sendiri dan isu ini harus diberi penekanan serius terlebih dulu.

Suatu masa dulu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) tidak mempunyai sebarang kuasa berkaitan dengan pencegahan pencemaran apatah lagi mengambil tindakan undang-undang. Tetapi, melalui evolusi kuasa yang diberi kerajaan, jabatan itu kini cukup efisien. Maka, formula sama barangkali boleh digunakan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Jadi, tidak keterlaluan jika saya katakan saya melihat DBP boleh menjadi Jabatan Bahasa dan Pustaka dalam Kementerian Perpaduan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan barangkali pada masa depan dan diberi sedikit kuasa berkaitan dasar untuk mengembalikan identiti dan keyakinan terhadap bahasa Melayu.

MOHSIN MOKHTAR,
Bandar Jengka, Pahang.